

19/10/2002

Ibrahim Ali dedah diri untuk disindir

SUDAH berulang kali Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan keputusannya untuk tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang adalah muktamad dan tidak akan berganjak lagi. Acap kali juga Perdana Menteri menjelaskan keputusannya dibuat atas kerelaan sendiri sesudah lama menyandang pelbagai jawatan dalam Kabinet serta memimpin kerajaan. Dalam pada itu, Dr Mahathir turut menawarkan diri untuk terus menyumbang khidmat kepada Barisan Nasional dan Umno kerana mempunyai banyak kelapangan berbuat demikian sesudah bersara nanti. Namun, pada ketika majoriti menerima peralihan kuasa secara terancang ini sebagai yang terbaik, Datuk Paduka Ibrahim Ali pula bertegas Umno bahagian Pasir Mas yang diketuainya akan mengemukakan resolusi meminta Dr Mahathir bertanding lagi.

Kalau pun tidak untuk mengampu, Ibrahim harus mempunyai muslihat yang sukar difahami. Pada ketika Badan Perhubungan Umno Kelantan turut menerima keputusan Dr Mahathir untuk berundur, Ibrahim pula dilihat bersendirian melawan arus hingga ditafsirkan sesetengah pihak sebagai mempersoalkan keupayaan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti. Tidak salah untuk segala jasa Dr Mahathir selama ini disanjung tetapi tidak pula harus sampai hasratnya sendiri dibelakangkan. Sekiranya Ibrahim turut mengiktiraf sudah banyak yang dilakukan oleh Perdana Menteri untuk negara, maka beliau harus akur bahawa Dr Mahathir juga memerlukan masa untuk dirinya sendiri dan keluarga. Kecualilah Ketua Umno bahagian Pasir Mas itu sengaja mahu mengundang tafsiran bahawa sebenarnya 'ada udang di sebalik batu'.